



AHMAD ZAHID menyampaikan pentauliahian kepada Leftenan Muda (PA) Muhammad Hazim Jeffri dari Institut Pendidikan Guru Malaysia Sempena Istiadat Pentauliahian ke 15 Kor Siswa Siswa Pertahanan Awam Peringkat Kebangsaan 2024 di UTHM, Batu Pahat semalam.

Pemberian itu bagi penuhi syarat kokurikulum di IPTA Selaras elaun Kor Sispa tahun depan

oleh **MOHD. SHARKAWI LONDING**

BATU PAHAT - Kerajaan akan membuat pelarasan untuk pemberian elaun latihan dan pakaian seragam kepada pelatih Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam Kor Sispa) Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan Institut Pendidikan Guru (IPG).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hani berkata, pemberian elaun itu akan bermula tahun hadapan sebagai satu memenuhi syarat kokurikulum siswa dan siswi di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Insituti Pengajian

Tinggi Swasta (IPTS).

Katanya, elaun itu yang akan diberikan sama seperti peruntukan yang diberikan kepada pasukan sukarelawan lain seperti Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) dan Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (Suksis).

"Askar Wataniah dan pasukan sukarelawan lain telah diberikan elaun latihan dan uniform, namun untuk Kor Sispa ini tidak ada elaun, elaun bertugas dan uniform.

"Ta akan diselaraskan walaupun perkara ini merupakan permintaan yang dibuat begitu lama," katanya.

Beliau berkata demikian se-

lepas menyempurnakan istiadat pentauliahian Kor Sispa Peringkat Kebangsaan kali ke-15 di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia di sini semalam.

Pada istiadat tersebut, seramai 769 Pegawai Kadet Sispa daripada Kor Sispa IPT ditauliahkan dengan pangkat Leftenan Muda Pertahanan Awam dan 58 kadet IPG ditauliahkan sebagai Staf Muda Pertahanan Awam.

Ahmad Zahid yakin Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan membuat pelarasan dengan memberi sejumlah peruntukan yang sama dengan pasukan sukarelawan di universiti.